

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUAN 15 BILANGAN 44 RABU 4 NOBEMBER 1970 1390 رابو 4 رمضان PERCHUMA

KETETAPAN BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN INI

BANDAR SERI BEGAWAN

JABATAN Hal Ehwal Ugama telah menetapkan bayaran Zakat Fitrah bagi seluruh negeri.

Bagi kawasan Bandar Seri Begawan zakat fitrah ia-lah \$1.56½; kawasan Muara dan Tutong \$1.59½ dan bagi kawasan Seria, Belait dan Temburong \$1.62½.

Ini ia-lah bersamaan nilai tiga kati 12 tahlil beras menurut harga sa-gantang beras di-kawasan masing2.

Sa-buah kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama menyatakan, zakat fitrah itu boleh di-keluarkan dari awal bulan

puasa tetapi tidak lewat dari masa sa-belum Imam mendirikan sembahyang Hari Raya.

Zakat fitrah itu hendak-lah diberikan kepada Imam2 mesjid yang telah di-lantek menurut kuat kuasa Undang2 Ugama dan Mahkamah2 Kadzi tahun 1955.

Umat Islam di-seluruh negeri ada-lah di-minta bekerjasama untuk memberikan zakat fitrah mereka masing2 kepada Imam2 mesjid yang berhampiran di-kawasan-nya atau kepada Majlis Ugama Islam Pejabat Hal Ehwal Ugama semasa pejabat di-buka.



DUA HADHIRI KURSUS PEGAWAI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai Askar Melayu Di-Raja Brunei akan menghadiri Kursus Latehan Pegawai tentera di-United Kingdom dan Australia dalam bulan Januari tahun depan.

Major Mohamed bin Haji Daud akan menghadiri kursus latehan pegawai2 tentera di-Maktab Pegawai2 di-Camberley, sementara Major Pengiran Ibnu, akan menghadiri kursus yang sama di-Maktab Pegawai2 Tentera Australia di-Queenscliff, Victoria.

Major Mohamed, yang sekarang memerintah 'C' Kompeni, telah menerima tauliah dalam tahun 1962, sa-lepas tamat kursus selama dua tahun, di-Maktab Tentera Persekutuan di-Malaya.

Beliau juga telah menghadiri beberapa kursus di-seberang laut dan anak Melayu Brunei yang pertama menjadi adjutan regiment itu.

Major Pengiran Ibnu telah menghadiri kursus yang

sama di-Maktab Tentera Persekutuan bersama2 dengan Major Mohamed.

Beliau ada-lah pegawai pemerintah 'K' Kompeni dalam Bahagian Latehan tetapi sekarang mengambil alih 'D' Kompeni untuk memberikan pengalaman sa-chara praktikal dalam Rifle Kompeni sa-belum menjalani kursus itu.

Tujuan kursus itu ia-lah menambahkan pengetahuan professional pegawai yang terpilih bagi persiapan untuk mereka memikul tanggung jawab sa-bagai pegawai dan pemerintah.

Kedua2 orang pegawai itu ada-lah anak tempatan yang di-naikkan pangkat Major.

Umat Islam mula berpuasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei telah mula berpuasa pada hari Ahad 1 Nobember.

Rombongan pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai2 Ukur yang telah pergi melihat anak bulan Ramadhan pada hari Jumaat 30 Oktober telah tidak nampak anak bulan tersebut pada hari itu.

Untuk menghormati awal bulan Ramadhan itu, hari Isnin ada-lah di-ishtiharkan sa-bagai hari kelepasan awam bagi menggantikan hari Ahad.

(Lihat Muka 8)

Timbalan M. B. lawat ladang ternakan Jerudong

Gambar atas menunjukkan Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakht Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Ibrahim (No. 2 dari kanan) sedang mendengar penerangan dari Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam (kiri sekali) ketika Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar itu melawat ka-ladang ternakan Jerudong pada minggu lepas.

Kelihatan di-kanan sekali ia-lah Pegawai Pertanian, Awang K.G. Malet dan nombor dua dari kiri ia-lah Awang Jaya bin Abdul Latif, pegawai pentadbir Jabatan Setia Usaha Kerajaan yang mengiringkan Timbalan Menteri Besar dalam lawatan ka-ladang ternakan itu.

Ini ada-lah lawatan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakht Di-Raja Dato Utama Awang Isa yang pertama ka-ladang ternakan itu sejak beliau di-lantek menjadi Timbalan Menteri Besar pada hari Selasa lepas.

PERUBAHAN HARIBULAN RAMADHAN

Tarikh bagi 1hb. Ramadhan 1390 hijrah — 1970 masehi hendak-lah di-kira pada hari Ahad ia-itu 1hb. Nobember, 1970.

Penguasa Penerangan dan Tabligi Jabatan Hal Ehwal Ugama menyatakan bahawa tarikh yang tertera dalam takwin atau kalender yang di-terbitkan oleh jabatan itu tidak boleh di-pakai.

Beliau menyatakan bahawa perubahan itu di-buat ia-lah kerana permulaan puasa di-negeri ini telah jatuh pada hari Ahad 1hb. Nobember, 1970.

BULAN Ramadhan yang kita tunggu2 telah pun menjelang dan kita semua sedang menunaikan fardhu puasa yang mana salah satu daripada rukun Islam yang wajib di-kerjakan oleh tiap2 orang Islam yang telah akil balikh dan melateh anak2 mereka yang telah sampai had umur-nya yang patut dilateh berpuasa, kerana itu akan membawa kebiasaan kepada mereka tatkala telah sampai umur wajib-nya yang mesti menunaikan puasa.

Kita tidak payah menyebutkan kelebihan orang2 yang berpuasa di-bulan Ramadhan ini, dan kelebihan bulan Ramadhan dalam mengerjakan amal ibadat kerana kita semua orang Islam yang telah bersedia untuk menghadapi bulan puasa, tetapi walau bagaimanapun, suka-lah di-ingatkan kepada sekalian orang Islam supaya menjaga kehormatan ugama Islam dan kesucian-nya serta maruah diri-nya sendiri dalam menunaikan fardhu puasa.

MENJAGA KEHORMATAN ISLAM DI-SEPANJANG BULAN PUASA

KHUTBAH JUMA'AT

"TIAP2 ORANG ISLAM, JANGAN-LAH SAMPAI MENCHEMARKAN UGAMA MEREKA SENDIRI DAN KEHORMATAN BULAN RAMADHAN"

Dalam satu hikayat, telah di-cheritakan bahawa sa-orang 'Majusi' (bukan Islam) telah melihat anak-nya dalam bulan Ramadhan sedang makan di-pasar. Maka terus ia-nya memukul anak-nya itu sambil berkata, "Mengapakah kamu tidak menghormati orang Islam dalam bulan puasa ini?"

Sa-telah Majusi itu mati, maka bermimpi-lah sa-orang ulama Islam dalam tidor-nya bahawa orang Majusi itu masuk shurga. Maka berkata-lah orang alim itu, "Bukan-kah engkau orang Majusi?"

Maka jawab-nya, "Betul, tetapi aku mendengar sa-wak-

tu aku akan mati, suatu seruan daripada atas bahawa "Hai malaikat-ku jangan engkau lupakan Majusi itu dan hendak-lah engkau muliakan sa-bagai sa-orang Islam, kerana dia telah menghormati bulan Ramadhan." Demikianlah sa-buah cherita yang tersebut dalam kitab **Durratun Nasihin**.

Dari hikayat ini dapat-lah kita fahamkan bahawa sa-orang kafir Majusi apabila ia menghormati bulan Ramadhan telah mendapat kelebihan di-sisi Tohan apalagi ia-nya sa-orang Islam yang berpuasa di-bulan Ramadhan serta menghormati-nya maka sudah tentu-lah kelebihan-nya akan berlipat ganda.

Oleh itu ini-lah di-serukan supaya tiap2 orang Islam jangan-lah sampai mencemarkan ugama mereka sendiri dan kehormatan bulan Ramadhan dengan minum atau pun makan pada siang hari di-bulan Ramadhan sama ada di-kedai2 atau pun di-khalayak ramai yang kadang2 hingga tertangkap atau tersirit ka-hadapan pengadilan, maka tentu-lah perbuatan seperti ini bukan sahaja berdosa, tetapi juga merendahkan mertabat ugama dan orang2 Islam sendiri.

BAKAL2 HAJI

TAMAT


KURSUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 400 orang bakal haji dari seluruh negeri telah menamatkan kursus haji pada minggu lalu. Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu telah bermula 4 September yang lalu.

Sa-banyak 13 buah kelas telah di-adakan, ia-itu tujuh di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, tiga di-Madrasah Bandar Seri Begawan; satu di-Mesjid Hassanah Bolkiah, Tutong, satu di-Mesjid Utama Mohamed Salleh Pekan Bangar, Temburong dan satu lagi di-Sekolah Ugama, Kuala Belait.

Pada 23 Oktober, satu kursus praktik bagi bakal2 haji telah di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Arab Pengiran Anak Damit, Bandar Seri Begawan.

Sa-ramai 190 orang dari bakal2 haji itu akan berlepas dengan kapal laut yang di-jadualkan bertolak dari Labuan pada 2 Disember, sementara yang lain-nya akan berlepas dengan kapal terbang tahun hadapan.



Gambar atas menunjukkan Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa, sa-laku pengerusi Jawatankuasa Pelajaran sedang memberi cheramah kepada guru2 dari Daerah Belait, Tutong dan Temburong di-Dewan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait baru2 ini.

Cheramah tersebut ada-lah bagi menerangkan kepada guru2 itu tentang tugas2 yang di-jalankan oleh Jawatankuasa itu.

Jawatankuasa yang mengandungi empat orang ahli itu ada-lah terdiri dari (dari kiri) Awang Abdul Hamid bin Bakal, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr) Awang Mohammad Jamil Al-Sufri, Awang A.D. Bumford dan Awang Abdul Rahman bin Taib.

Penuntut balek berchuti

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai lapan orang penuntut ugama Brunei yang belajar di-Sekolah Ugama Ipoh, Perak akan tiba di-Brunei pada 12 Nohember, kerana chuti persekolahan semasa bulan puasa.

Mereka ia-lah Norliah binte Haji Mohd, Yusof; Mastura binte Haji Awang; Rafeah binte Mohd. Salleh; Noriah binte Abdul Wahab; Awangku Othman bin Pengiran Ibrahim; Hasnah binte Haji Abdul Rahman; Mohd Talip bin Abdul Karim dan Abu Bakar bin Baruddin.

Sementara itu sa-ramai 9 orang lagi penuntut yang belajar di-Kota Bharu Kelantan akan pulang pada 13 Nohember dan 6 orang lagi yang belajar di-Kolej Islam, Petaling Jaya akan tiba pada 5 Disember.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4 Nob. 1970 hingga ka-hari Selasa 10 Nob. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
	4 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
	5 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05
	6 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
	7 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
	8 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
	9 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
	10 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

ZAKAT DAN FITRAH DI-NEGERI BRUNEI

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah berkenan menguatkuasakan bab 1 cherian (2) dari Undang2 Ugama dan Mahkamah2 Kadhi Tahun 1955, yang mengandongi syarat2 dan kuasa2 bagi di-jalankan pemungutan zakat dan fitrah di-Negeri Brunei. Kuant-kuasa undang2 ini berjalan mulai pada 11hb. Shawal, 1389 bersamaan 1hb. Januari, 1969.

Dengan kuatkuasa ini, maka Duli Yang Maha Mulia telah memindahkan kuasa memungut-nya (zakat dan fitrah) itu kepada Majlis Islam Negeri Brunei. Maka mulai tahun lepas dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dan kuatkuasa undang2, pemungutan zakat fitrah di-jalankan kepada sekalian Umat Islam di-seluruh cherok rantau negeri ini.

Dari sini, maka dapat-lah di-fahamkan bahawa pemungutan Zakat dan Fitrah itu yang telah di-jalankan oleh Majlis Ugama Islam dan Jabatan Hal-Ehwal Ugama adalah semata2 menjunjung titah perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sa-bagai kepala Ugama Islam yang berkuasa menurut syarat2 dan kehendak2 Ugama Islam.

ZAKAT DAN FITRAH DARI SEGI UNDANG2 UGAMA

Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah mewajibkan Zakat dan Fitrah kepada Umat Islam pada tahun yang kedua Hijrah iaitu 1387 tahun yang lalu. Semenjak itu berjalan-lah kuatkuasa memungut zakat dan fitrah dan pengeluaran-nya kepada orang2 yang berhak menerima-nya.

Rasulullah, para sahabat yang sa-sudah baginda, para khulafa' dan raja2 Islam serta kerajaan Islam telah menunaikan perintah ini dengan mengadakan pemungutan zakat dan fitrah itu.

Banyak ayat2 telah di-sebutkan di-dalam Al-Quran mengenai hukum zakat dan fitrah itu, demikian juga hadith2 sa-hingga tiada-lah dapat di-nafikan oleh sa-siapa pun jua Umat Islam tentang kewajiban mengeluarkan zakat dan fitrah.

Antara ayat2 Al-Quran itu ia-lah ayat 19 dari Surah Az-Zariyat yang kira2 bermaksud:

"Dan di-dalam harta2 mereka satu hak (zakat) yang tertentu untuk orang yang berkehendak dan orang2 yang tidak berupaya".

Surah At-Taubah — ayat 60 yang menekankan dengan tidak berpunya".

"Bahawa ada-lah sedekah2 (zakat dan fitrah) teruntuk kepada orang2 fakir dan orang2 miskin dan orang2 yang bertugas menjalankan (amil) dan orang2 yang di-jinakkan2 hati-nya dan hamba abdi dan orang2 yang berhutang dan

orang2 yang berjuang pada sabilillah dan orang2 yang keputusan perbelanjaan sedang dalam perjalanan".

Dalam Surah Al-An'am — ayat 141 pula menyebut yang kira2 arti-nya: "Dan keluar-lah oleh kamu hak-nya (zakat) pada hari ia (tanaman2 itu) di-tuai".

Dari Surah At-Taubah — ayat 103 telah menyebutkan yang kira2 maksud-nya: "Ambil-lah daripada harta2 mereka sa-bagai sedekah (zakat dan fitrah) untuk membersekan dan untuk mensucikan diri mereka dengan-nya".

Sa-lain dari itu, maka daripada hadith2 pula, antara lain2 Sabda Nabi yang berarti: "Ugama Islam itu didirikan di-atas lima perkara, ia-itu mengucap shahadat bahawa tiada Tohan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu pesuruh Allah, dan mendirikan sembahyang, dan mengeluarkan zakat, dan puasa bulan Ramadhan, dan mengerjakan Haji bagi mereka yang berupaya memperlakukannya".

Dalam hadith2 yang lain pula telah disebutkan yang kira2 arti-nya: "Bahawa Allah telah memfardhukan ka-atas mereka sesuatu zakat di-dalam harta2 mereka di-ambil daripada orang2 kaya mereka maka di-kembalikan kepada orang2 fakir mereka".

"Rasulullah telah memfardhukan zakat Hari Raya Fitrah untuk menjadi pembersih badan orang yang puasa daripada kesilapan dan melanggar hukum dan sa-bagai makanan bagi orang2 miskin, maka barang siapa yang mengeluarkan sa-sudah sembahyang itu ada-lah sedekah biasa sahaja".

"Rasulullah s.a.w. telah memfardhukan fitrah satu gantang daripada kurma atau satu gantang daripada gandum ka-atas hamba dan yang merdeka lelaki dan perempuan dan yang kecil dan yang besar daripada Muslimin, dan telah di-perintahkannya supaya di-keluarkan sa-belum orang pergi sembahyang Hari Raya".

DENGAN titah perintah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka berjalan-lah kuatkuasa-nya Undang2 Zakat dan Fitrah di-negeri ini mulai tahun 1969 yang lalu. Majlis Ugama Islam ada-lah bertanggung-jawab dan berusaha bagi menjalankan kuatkuasa undang2 tersebut.

Pejabat Setia Usaha Majlis Ugama Islam Brunei dalam tahun lepas telah menerbitkan sa-buah buku kecil yang bertujuan bagi menerangkan beberapa perkara yang patut di-ketahui oleh umat Islam mengenai Zakat dan Fitrah dari segi undang2 shara' dan undang2 negeri; tujuan Zakat dan Fitrah; chara pembayaran dan pembahagian dan lain2.

Kandungan buku kecil itu ada-lah amat mustahak di-ketahui oleh Umat Islam di-negeri ini dengan chara yang lebeh mendalam dan dengan yang demikian, renchana yang berikut ini ada-lah di-dasarkan kepada buku kecil tersebut. Dengan usaha ini, semoga menimbulkan manfaat untuk kepentingan umat Islam di-negeri ini, pada menunaikan perintah ugama mereka dengan tidak tanggung2 dan ragu2 lagi.

KEWAJIPAN YANG TIDAK BOLEH DI-LINGAH2KAN

Daripada ayat2 dan hadith2 yang tersebut di-atas, maka nyata-lah bahawa hukum mengeluarkan Zakat dan Fitrah itu suatu kewajiban yang tidak boleh di-lingah2kan oleh Umat Islam apa lagi jikalau enggan, kerana zakat telah di-jadikan salah satu daripada Rukun Islam yang lima, yang berarti orang2 yang enggan mengeluarkan zakat maka arti-nya kehilangan salah satu rukun daripada Rukun Islam. Maka orang2 yang seperti ini ada-lah di-kira kufur kalau dia percaya bahawa zakat itu tidak wajib, atau sengkaja enggan, atau ma'asiat kalau dia melalaikan. Orang2 ini akan bertanggung-jawab kepada Allah pada hari kiamat. Sapertimana yang di-firmankan oleh Allah s.w. dari ayat2 dan hadith2 yang di-sebutkan tadi, dapat-lah juga kita mengambil kesimpulan bahawa:

- 1). Zakat dan Fitrah itu ada-lah hak orang2 yang di-tentukan oleh Allah untuk kegunaan mereka sa-hari2.
- 2). Bahawa kerajaan ada-lah berhak memungut Zakat dan Fitrah itu sa-chara tegas menurut undang2.
- 3). Barang siapa yang enggan menunaikan Zakat ada-lah melakukan kesalahan besar yang boleh di-hukum kufur atau boleh jadi murtad dan kerajaan boleh mengambil tindakan yang keras kepada mereka.

TUJUAN ZAKAT DI-WAJIBKAN

Dalam masyarakat manusia ada dua golongan yang terkenal yang selalu-nya berselisih faham dan jarang sekali bersefahaman serta jarang bekerjasama untuk kebaikan hidup. Dua golongan ini ia-lah:

* Golongan yang berada ia-itu orang yang senang lenang hidup-nya dan terjamin pendapatan-nya. Mereka ini tidak banyak tetapi mempunyai kedudukan dan mempunyai kuasa pula dalam masyarakat.

Kuasa itu dalam pandangan orang atau dengan perasaan segan orang lain kepada-nya. Sifat mereka ini kadang2 selalu-nya menyebabkan mereka kepada masharakat, ia-itu dengan kekayaan dan kesenangan serta kemewahan itu mereka bertindak kadang2 di-luar batas hukum.

* Golongan kedua ia-lah golongan yang tidak berada, yang banyak bilangan-nya dan selalu di-timpa kesusahan dan kemelataran. Kalau mereka ini terlampau banyak dalam sa-sabuh negeri dan tidak ada usaha2 untuk menolong mereka dalam segi kehidupan sa-hari2, maka kesusahan dan kemelataran akan ternampak dalam masharakat dan dalam negeri yang mana masharakat itu sendiri akan menempoh kesusahan juga.

Dalam hal ini jikalau orang2 berada tadi tidak mahu bekerjasama dengan kerajaan atau tidak mahu menunaikan perintah Ugama supaya menolong kehidupan orang2 yang melarat, maka lambat laun akan timbul-lah perasaan kurang puas hati, perasaan dengi dan perasaan tidak suka di-antara golongan yang tidak berada tadi kepada golongan yang berada.

Ini boleh memecahkan masharakat sapertimana terjadi di-negeri2 Eropah pada zaman dahulu dan zaman sekarang. Dan kadang2 terjadi-lah permusohan di-antara dua golongan tadi. Permusohan ini akan menyebabkan negeri kacau-bilau dan huru-hara dan terjadilah perbuatan2 balas dendam dan lain2 yang susah hendak dihapuskan.

Untuk menjauhkan perkara2 ini berlaku, Islam mewajibkan kepada orang2 yang berada supaya mengeluarkan sedikit daripada kemewahan mereka untuk menolong orang2 yang susah ini supaya dapat-lah golongan yang susah sama2 merasa gembira dan hilang juga perasaan yang tidak puas hati itu, dan dengan demikian orang2 yang berada pula tidak akan merasa diri-nya besar serta berkuasa.

Dengan demikian kukuh-lah perhubungan jiwa dan kaseh sayang di-antara dua golongan tadi, yang satu merasa gembira kerana di-tolong dan yang satu lagi merasa gembira pula kerana dapat menolong saudara-nya. Perasaan keghembiraan ini ada-lah perpaduan yang kuat dalam masharakat Islam dan ini-lah kelebihan Islam daripada Ugama2 yang lain. Maka barang siapa yang enggan menolong berarti dia tidak mahu masharakat-nya baik dan tidak mahu orang Islam menjadi masharakat yang bersatu padu, maju dan bersefahaman. Orang2 yang sa-demiikian ini ada-lah musuh masharakat yang patut di-hukum.

Gambar menunjukkan sa-bahagian dari kira2 500 keping gambar yang telah di-pamerkan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Pameran yang di-anjarkan oleh Persatuan Fotografi Negeri Brunei itu ada-lah salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun.

Gambar yang di-pamerkan itu ia-lah gambar2 yang di-terima dari negeri2 di-Tenggara Asia yang menyertai peraduan fotografi Tenggara Asia yang kedua anjoran Persatuan Fotografi Negeri Brunei.

Pameran tersebut telah di-rasmi-kan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr) Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri pada 25 Oktober.

Pameran itu telah di-adakan se-lama sa-minggu.



Bilangan murid2 bertambah tahun depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 28,000 orang murid2 sekolah2 rendah, dan menengah Melayu dan Inggeris kerajaan, telah memulakan chuti puasa mereka mulai hari Sabtu lepas.

Sekolah2 Inggeris kerajaan, akan di-buka semula pada 7 Disember dan Sekolah2 Melayu, pada 6 Disember.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata, bilangan murid2 di-sekolah2 Melayu akan bertambah apa-

bila persekolah baru bermula, tahun depan.

Murid2 baru itu, akan dimasukkan ka-sekolah2 pada 5 Januari, 1971.

Selain dari sekolah2 Melayu dan Inggeris kerajaan, ada beberapa sekolah Inggeris misi, yang mengajar bahasa Inggeris di-negeri ini.

Sekarang sa-ramai lebih dari empat puluh ribu orang kanak2 yang belajar di-sekolah2 misi, China, Melayu dan Inggeris kerajaan di-negeri ini.

Menchari minyak di-kawasan Daerah Brunei - Muara

(Dari muka 2)

yang boleh di-iktiraf oleh seluruh negeri.

Awang Huan juga merasa gembira bahawa orang2 di-Brunei kebanyakan-nya pandai bernang tetapi chara2 bernang yang baik dan chara2 menyelamatkan orang lemas juga mustahak di-pelajari.

Beliau menyeru Penghulu2 dan Ketua2 Kampong supaya memberi galakan kepada anak buah mereka untuk mengikut kursus latehan itu.

Ini bukan saja menjadi kebaikan kepada diri mereka sendiri bahkan juga menjadi kebanggaan kepada negeri ini.

JAWATAN KOSONG:

Sa-bagai Penjaga Asrama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 Penjaga Asrama di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Jawatan2 Kosong ini ia-lah:-

- Di-Sekolah Menengah Melayu, Bandar Seri Begawan — (1 lelaki dan 1 perempuan).
- Di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan — (1 lelaki dan 1 perempuan).
- Di-Sekolah Inggeris Tutong — (1 lelaki dan 1 perempuan).
- Di-Maktab Perguruan Brunei — (1 lelaki dan 1 perempuan).
- Di-Sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Seri Begawan — (1 lelaki).
- Di-Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait — (1 lelaki).
- Di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong — (1 lelaki dan 1 perempuan).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dan hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyediaan dan pengurusan sa-buah asrama, termasuk pengalaman memasak makanan Melayu.

Tugas2:

- Menjaga asrama dan pekerja2 dapur.
- Menjaga membeli belah dan memeriksa barang2 yang di-

bekalkan, menyediakan jadual2 makanan serta makan minum di-asrama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3-4 EB 5 \$380x20-620/EB/640x20-700. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubuan.


Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Nohember, 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Alat2 untok memodenkan sistem talipon

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Talikom Brunei telah memesan alat2 perkakas perhubungan radio yang berharga \$1,000,000.00 dari sa-buah sharikat di-Australia bagi memodenkan sistem talipon panggilan jauh.

Ini telah di-umumkan oleh sharikat tersebut, Standard Talipon dan Kebal Berhad dari Sydney, Persatuan Talipon Antarabangsa dan Gabongan Talikom Australia.

Awang H.B.B. Wood, pengurus wilayah Talipon Antarabangsa dan Gabongan Talikom di-Kuala Lumpur berkata, alat perkakas tersebut yang akan di-kirirkan pada tahun depan mengandungi alat2 pemancar dan penerima radio jenis VHF dan UHF dan berbagai alat bagi meluaskan lagi sistem talipon panggilan jauh itu.

Pengawal Talikom, Awang C.E.B. Parrot berkata, perkakas2 itu ia-lah untok membekalkan tambahan circuit antara Kuala Belait dan Bandar Seri Begawan, antara Kuala Belait dan Pekan Tutong, antara Pekan Tutong dan Bandar Seri Begawan dan antara Bandar Seri Begawan dan Pekan Bangar.

Awang Parrot berkata perkakas2 yang ada sekarang akan di-pasang semula untok membekalkan circuit baru dari Kuala Belait ke-Sungai Tujoh.

Beliau berkata, perkakas2 berat yang baru itu yang telah di-pesan oleh jabatan itu akan di-kendalikan dengan menggunakan batteri. Ini akan meyakinkan bahawa panggilan talipon jauh tidak akan terputus di-sebabkan kerosakan kecil di-pesawat besar-nya.

Pertandingan Quran anjoran KEMUKA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kebajikan Maufakat Kampong Burong Pingai Ayer, KEMUKA, akan mengadakan pertandingan membacha Quran, di-rumah persatuan itu, pada 21 Nohember.

Pertandingan itu terbuka kepada semua persatuan2 belia di-Daerah Brunei-Muara.

Bayaran bagi tiap2 peserta ia-lah \$2.00.

Semua permohonan masuk bertanding hendak-lah di-sampaikan kepada Setia Usaha Pertandingan, Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Latif, di-Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari 14 Nohember.



Sabah menangi Piala Borneo

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sabah telah memenangi Piala Borneo sa-telah seri dengan Sarawak — dua gol berbalas dua dalam perlawanan akhir bola sepak bagi merebut piala tersebut yang telah berlangsung di-padang besar Bandar Seri Begawan pada hari Rabu lepas.

Sabah telah memenangi piala tersebut dengan hitungan gol yang di-perolehi dalam perlawanan yang telah di-adakan di-Kota Kinabalu awal bulan lepas.

Dalam perlawanan itu Sabah telah mengalahkan Brunei dengan enam gol berbalas satu sementara Sarawak mengalahkan Brunei dua gol berbalas satu.

Dalam perlawanan akhir itu, Sarawak telah mendahului Sabah dengan dua gol berbalas satu dalam sa-paroh masa pertama. Gol bagi Sarawak di-jaringkan oleh Wan Idrus

pada sa'at ke-16 dan satu gol lagi oleh Ainnie Kem sa-belum perlawanan berehat. Gol bagi Sabah telah di-jaringkan oleh James Wong.

Dalam sa-paroh masa kedua Sabah memperoleh satu gol lagi menerusi Edward Nuing pada sa'at yang ke-25.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf yang juga menjadi Yang Di-Pertua Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei telah merasmikan perlawanan itu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim.

Dalam perlawanan persahabatan Sarawak telah mengalahkan Brunei dengan dua gol berbalas satu dan pasukan Sabah telah mengalahkan Brunei dengan 8 gol berbalas 4.

Gambar atas menunjukkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar sedang menyampaikan Piala Borneo kepada pengurus pasukan Sabah, Awang Cheuk Ming To.

Menchari minyak di-kawasan Daerah Brunei — Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Brunei telah memberi kebenaran menchari minyak kepada sa-buah Sharikat Ashland Pacific Oil dari Amerika dengan tujuan kemungkinan melumbong minyak di-kawasan Daerah Brunei-Muara.

Kerja2 menyiasat bagi tujuan menchari minyak di-kawasan itu telah di-lakukan baru2 ini.

Kerajaan juga telah memberi kebenaran kepada Sharikat itu untok memasuki sa-barang tanah kepunyaan kerajaan dan tanah kepunyaan orang ramai di-Daerah itu.

Ini telah di-nyatakan oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Yunus bin Haji Hussain bagi pehak Pegawai Daerah Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dalam satu perjumpaan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei/Muara yang berlangsung di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada pagi hari Khamis lalu.

Menjawab satu pertanyaan yang di-kemukakan oleh salah sa-orang Penghulu, Awang Yunus berkata sa-barang harta benda orang ramai termasuk tanaman buah2an yang rosak kerana terlibat oleh kerja sharikat itu, hendak-lah di-laporkan kepada Pejabat Pegawai Daerah Brunei/Muara.

Awang Yunus berkata jika di-fikirkan munasabah satu ganti-rugi mungkin akan di-keluarkan oleh sharikat itu.

Terdahulu sa-belum itu sa-orang Penyelia Kolam Bernang di-Berakas, Awang Kuan Hua On telah memberikan cheramah mengenai chara2 menyelamatkan orang lemas di-perjumpaan itu.

Awang Kuan Hua On mengharapkan supaya banyak lagi penduduk2 di-Daerah ini terutama belia2-nya menyambut baik seruan-nya bagi mengadakan kursus latehan chara2 menyelamatkan orang lemas yang di-adakan di-Kolam Bernang Berakas.

Setakat ini sa-ramai 30-40 orang telah di-beri kursus itu yang terdiri dari anggota2 Polis dan Askar dan kursus itu bukan-nya hanya harus diketahui oleh sa-golongan orang saja tetapi juga semua penduduk dalam negeri.

Mereka yang lulus kursus itu akan di-berikan satu sijil yang di-keluarkan di-England

(Lihat muka 7)

Brunei akan sertai perlawanan bola sepak sekolah2 di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran merancang akan menghantarkan satu pasukan bola sepak mengandungi penuntut2 sekolah menengah di-negeri ini, untok menyertai Kejohanan Bola Sepak Antara Bangsa2 bagi sekolah2 bagi kali yang kedua di-Singapura dalam bulan Julai tahun hadapan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, rancangan itu di-buat berikutan undangan dari Majlis Sokan

Gabongan Sekolah2 Menengah Singapura, yang akan membelanjakan \$55,000.00 kerana memberikan tempat tinggal perchuma dan pengangkutan sa-tempat bagi pemain2 yang mengambil bahagian.

Lain2 negara yang di-undang ia-lah Burma, Kemboja, Ceylon, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Malaysia, China Kebangsaan, Filipina, Korea Selatan, Vietnam Selatan dan negeri Thai.



4hb. Nohember, 1970.

RAMADHAN BULAN DUGAAN

RAMADHAN sudah pun menguasai kita umat Islam, seluruh umat Islam di-dunia sama2 mengerjakan rukun Islam yang ke-tiga yang di-wajibkan menunaikan-nya dengan sempurna.

Bulan Ramadhan di-sifatkan sa-bagai bulan dugaan terhadap kita orang2 yang meng-aku beragama Islam, kerana di-dalam sepanjang bulan yang berkat itu telah di-tugaskan kepada Umat Islam supaya membelunggu diri dari melakukan perbuatan2 yang di-katakan membatalkan puasa. Puasa membawa pengertian supaya kita Umat Islam menahan lapar dan dahaga dan menahan nafsu dari sebarang gudaan yang di-datangkan dari penglihatan, alat2 perasa dalam tubuh badan kita, bahkan tingkah laku dan tutur kata harus di-bendong dari meletuskan perkataan2 yang mendatangkan kejahatan antara sesama manusia.

Perkara2 yang membatalkan puasa itu telah sama2 kita ketahui dari yang sa-kecil-nya hingga-lah kepada yang sa-besar2-nya. Semua ini kita ketahu-kan bukan hanya dari didekan para guru2 ugama, bahkan dari sharahan2 dan pembicaraan2 dari tokoh2 ugama tempatan.

Tetapi apa yang paling mustahak bagi kita umat Islam ia-lah dari sudut penghormatan harus kita berikan, lebeh2 lagi pada memulakan bulan yang berkat itu. Ini ada-lah merupakan tanggung-jawab kita yang amat besar dan ia-nya tidak boleh di-abai-kan dengan menurut kehendak hati.

Dari segi kemanusiaan bahawa sa-saorang itu masih tidak dapat meluluskan diri-nya dari gudaan2 shaitan, sekali-pun dia mengetahui bahawa dia sa-orang yang beragama Islam dan berkewajipan terhadap ugama yang di-anut-nya.

Maka dari sudut ini, maka ujud-lah apa yang di-katakan penipuan terhadap diri sendiri dan sehingga membelakangkan kewajipan-nya itu, sekalipun dia berkemampuan untuk mengerjakan kewajipan2-nya. Dari sudut ini timbul-lah rakan2 kita yang beragama Islam itu menunjukkan sa-satu yang di-ketahui mereka dapat di-jadikan alasan kenapa mereka tidak berpuasa. Hal ini ada-lah tidak dapat di-nafikan, bahkan jika timbul inisiatif untuk menyelidik kedudukan ini, neschaya akan di-temui orang2 yang demikian, dan chukup sihat-afiat keadaan-nya. Bahkan yang lebeh mendukacitakan jika terdapat di-antara orang2 yang sa-periti itu terdiri dari orang2 yang dapat di-katakan tidak jahil terhadap ugama-nya. Namun demikian bahawa hal ini ada-lah serba mungkin dan tidak dapat di-nafikan. Kenapakah berlaku demikian?: Maka timbul-lah dakwaan2 bahawa mereka itu tidak kuat iman-nya terhadap ugama-nya; tidak mahu memperaktikkan kehendak2 ugama-nya; menjadikan ugama sa-bagai alat untuk kepentingan diri sendiri; dan berbagai2 lagi.

Hal ini ada-lah satu penyakit yang merachuni dan mencemarmkan Ugama Islam yang suci dan tidak pantas berlaku dalam sa-buah negara yang menjadikan Islam sa-bagai Ugama Rasmi.

UCHAPAN SETIA USAHA JABATAN HAL EHWAL UGAMA BAGI MENGALU2KAN AWAL RAMADHAN

SAMPAI-LAH lagi masa-nya kita menghadapi bulan Ramadhan, bulan puasa, bulan yang berkat, bulan yang pada-nya kita kaum Muslimin akan mendapat berbagai2 pahala jika kita menurut segala ajaran2 Ugama Islam dan melakukan puasa, berlapar pada siang hari-nya serta membanyakkan amal ibadat pada malam-nya, sa-panjang bulan Ramadhan itu.

Memang terasa amat berat bagi orang yang tidak biasa melakukan-nya untuk meninggalkan makan minum yang telah menjadi tabiat hidup manusia di-muka bumi ini. Tetapi bagi orang2 Islam yang benar2 beriman dan patuh dengan ajaran2 Ugama-nya, perkara berpuasa sa-panjang bulan Ramadhan ini ada-lah sa-bagai satu amalan atau menjadi satu hobi bagi-nya untuk berlapar2 di-siang bulan puasa ini dan melakukan amal2 ibadat yang berlebeh2 pada malam-nya sa-panjang bulan Ramadhan ini seperti bertedurus dan membach Al-Quran sa-telah bersembahyang Tarawih bera-ma2, dan dalam bulan Ramadhan ini juga mereka ber-banyak mengeluarkan zakat atau bersedekah, tolong menolong sa-sama keluarga atau sa-sama jiran sa-kampung atau lain2 kampung.

Rasa saling mengerti dan hidup harmoni di-dalam sa-kampung atau dengan orang2 lain kampung-nya biasa-nya sangat di-rasakan apabila menjelang-nya Bulan Ramadhan, terutama bila telah dekat masa-nya tamat berpuasa dan menghadapi hari kesukaan ia-itu Hari Raya.

Ini bukan hanya dapat di-rasakan oleh anak2 kechil, yang merasakan bagaimana seronok-nya sa-tiap hari menerima dan mendapat makanan2 kueh2 yang lazat rasa-nya atau mendapat pakaian baru jika telah hampir Hari Raya, tetapi dapat juga di-rasakan oleh orang2 dewasa, dan orang2 tua, tidak kira sama ada orang itu dari golongan orang2 yang mewah, atau orang2 yang hidup sederhana atau orang2 yang kurang bernasib baik. Semua-nya ini dapat di-rasakan ia-lah kerana ada-nya rukun tolong menolong dan bantu membantu, terutama dalam bulan Ramadhan ini apabila sa-seorang yang berdaya atau orang berada yang patuh dengan ajaran2 Ugama-nya, mengeluarkan zakat, membahagi2kan sedekah daripada sa-bahagian harta-nya itu.

Ibadat berpuasa ada-lah amalan para nabi2, dan telah juga di-amalkan oleh ahli2 ugama yang terdahulu daripada kita umat Islam. Ini di-sebutkan di-dalam Al-Quran dalam ayat 183 dan 184 Surah Al-Baqarah, yang kira2 bermaksud:

“Wahai orang2 yang beriman! Di-wajibkan ka-atas kamu berpuasa sa-bagaimana yang telah di-wajibkan ka-atas orang2 yang terdahulu daripada kamu. Mudah-mudahan kamu bertambah takwa.”

Dalam Islam berpuasa sa-bulan, dalam bulan Ramadhan mula di-wajibkan ia-lah pada tahun yang kedua sa-lepas Hijrah, dan sa-belum itu banyak ahli2 ugama atau orang2 Arab yang maseh mematuhi dengan ajaran2 ugama yang di-anuti oleh datok nenek mereka melakukan puasa 40 hari dalam sa-tahun, ada pula yang berpuasa sa-minggu dalam bulan2 yang di-tentukan, dan demikian-lah puasa di-zaman sa-belum Islam dengan bermacam2 chara-nya. Ada pula di-antara orang2 zaman sa-belum Islam berpuasa hanya dengan chara puasa tidak makan daging, tidak minum susu untuk beberapa lama, orang2 Yahudi ada pula di-antara mereka yang berpuasa dari pertengahan malam hingga pertengahan siang, dan lain2 lagi.

Puasa dan chara2-nya yang tersendiri oleh umat2 sa-belum Umat Islam itu-lah yang di-maksudkan dengan putungan ayat Al-Quran yang bererti2:

“Sa-bagaimana yang telah di-wajibkan ka-atas orang2 yang terdahulu daripada kamu”.

Berpuasa atau mengosongkan perut sa-bulan dalam sa-tahun, di-bulan Ramadhan, bukan sahaja di-pandang sa-bagai satu amal ibadat. Tetapi ia juga mengandongi hikmat2 yang nyata atau yang tersembunyi yang belum sampai dapat di-jangkau oleh akal fikiran manusia.

Hikmat2 yang nyata dan yang dapat di-chapai oleh akal fikiran kita manusia di-masa ini, antara lain2 ia-lah:

1. Untuk melatehkan diri, ta'at dan patuh kepada perintah Allah. Kerana dalam bulan puasa kita tidak akan dapat tahu siapa yang berpuasa dan siapa yang tidak berpuasa, sa-lagi orang itu tidak menunjukkan terang2 makan di-hadapan khalayak ramai. Bagi orang Islam yang benar2 ta'at dan patuh dengan perintah Allah ia penoh ber-

keyakinan bahawa Allah maha mengetahui, dan tahu segala apa yang di-lakukannya.

2. Melateh jiwa, supaya sentiasa bersifat “sabar”, “tabah”, “belas kasehan” terutama terhadap orang2 yang bernasib kurang baik daripada nasib kita sendiri. Dari berpuasa juga timbul-nya rasa kaseh sayang kepada orang2 yang miskin, hilang rasa tamak dan kerana itu-lah tidak sayang2 mengeluarkan zakat, memberi sedekah dan lain2 amal yang di-ridhai Allah.
3. Melateh diri menjaga peraturan2 dan membahagi2kan masa untuk mengikut jadual2 yang telah di-tetapkan, sa-perti berbuka puasa pada waktu-nya. Makan Sahor pada masa-nya, tidak mengikut sa-kehendak hati sa-perti sa-belum masa berpuasa.
4. Menyekat kemahuan hawa nafsu yang sentiasa bermaharajalela sama ada dalam perkara makan minum, atau kemahuan hawa nafsu yang batin, yang sentiasa tidak menchukupi dan tidak mahu berpada2.
5. Dapat membaiki kesehatan jasmani (badan) kita. Kerana dengan berpuasa dapatlah kita memberi rehat kepada perut, terutama “ma'idah”, ia-itu alat untuk menghanchorkan segala makanan2 yang masuk ka-dalam perut, yang sentiasa bertugas tidak berhenti2 mengisap dan menghanchorkan makanan.

Menurut praktikal kedokteran, kebanyakan penyakit2 yang menyengat kesehatan manusia ia-lah berpuncha daripada perut, atau daripada banyak-nya makanan2 yang di-makan oleh sa-seorang itu hingga tidak terdaya “ma'idah” mengisap atau menghanchorkan segala makanan2 itu, atau kerana lemah-nya “ma'idah” daripada melakukan kewajipan-nya.

Kerana itu tidak-lah di-pandang baik kalau dalam bulan Ramadhan sa-telah berlapar dan berpuasa pada siang hari-nya, tiba2 pada malam-nya sa-telah berbuka puasa, perut yang telah lapang dan berkeadaan tenang itu di-si lagi dengan makanan2 yang berlebeh2-an, maka yang sa-baik2-nya hendaklah makan minum sachara sederhana sa-kira2 tidak menjadikan mudharat kepada diri kita sendiri.

Perkara2 yang sa-patut-nya mendapat perhatian bagi orang2 yang berpuasa dalam Ramadhan, antara lain2:

1. Menyegerakan berbuka puasa, jika telah yakin masuk waktu Maghrib, atau telah terbenam matahari.
2. Melambatkan (mengakhirkan) waktu makan sahor, kira2 yakin belum terbit fajar sa-dek.
3. Pada malam bulan puasa di-sunatkan sembahyang Tarawih dan membach Al-Quran (bertedurus).
4. Meninggalkan segala tutor kata yang keji, dan meninggalkan kata2 yang sia2, apatah lagi mengumpat, atau menyakiti hati orang lain.

PERANAN UNDANG2 DALAM MASHARAKAT

OLEH:
AWANG ALI BIN MOHD. DAUD

KESALAHAN. Sekarang sampai pula kita kapada perkataan kesalahan. Kesalahan, mengikut erti-nya yang lebih luas termasuklah sebarang perbuatan atau **omission** yang dianggap merbahaya kapada masharakat keseluruhan-nya. Tetapi disegi undang2 perkataan "kesalahan" ini hanya termasuklah perbuatan yang dikatakan salah dan di hukum oleh undang2. Saya percaya bahawa tidak semua ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang membuat undang2 dapat mengatakan bahawa mereka membuat sa-suatu undang2 itu kerana hendak menghukum orang2 yang membuat salah, kerana perbuatan salah itu adalah di-anggap immoral atau pun jika sa-suatu perbuatan itu tidak di-hukum oleh undang2 atau tidak ada undang2 baginya ini tidak-lah di-katakan bahawa perbuatan itu adalah perbuatan yang tidak bersalah. Mithal-nya: sa-seorang yang kaya tidak mahu memberi nasi untuk menyelamatkan hamba Allah daripada mati kebuloran ada-lah orang yang lebih jahat atau tidak baik daripada orang miskin yang kebuloran yang merunkop nasi orang dan memakan nasi itu. Kita hukum orang yang kebuloran ini kerana menchuri nasi yang hanya dapat menghilangkan kebulorannya, tetapi kita tidak menghukum orang kaya itu kerana dia tidak ada perasaan kemanusiaan.

Kita mesti ingat bahawa bukan semua perbuatan2 itu dengan sendiri-nya menjadi atau di-namai perbuatan kesalahan (jenayah) kerana berlainan masharakat atau negeri akan mempunyai berlainan pendapat berkenaan dengan perbuatan atau kesalahan jenayah. Mithal-nya persetubohan yang haram yang dibuat dengan sukarela kedua2 pihak itu adalah menjadi kesalahan jenayah di-negeri kita ini, tetapi di-negara2 Europah perbuatan itu (di-kechualikan di-lakukan oleh lelaki yang chukop umor dengan perempuan yang belum chukop umor) bukan-lah kesalahan jenayah. Di-England, jika salah satu atau pun kedua2 pihak yang melakukan persetubohan yang haram itu beristeri, maka kesalahan-nya yang di-lakukan oleh mereka hanya-lah satu kesalahan civil sahaja.

Apa-kah pula dia atau erti-nya perkataan "Undang2" yang selalu saya sebutkan itu? Kapada orang2 biasa dan kapada saya sendiri dewasa saya maseh kechil lagi, jika ada orang2 menyebut perkataan "Undang2" terkelip-lah di-fikiran saya dan mereka — pulis, mahkamah, orang di-bawa ka-Mahkamah dan orang di-pen-

jara. Gambaran kelipan yang sa-rupa ini ada-lah di-sebalek kami tidak mengetahui apakah dia undang2 itu.

Sebelum saya menyentuh apa-kah dia undang2 itu, perlu-nya saya menerangkan terlebih dahulu perkataan Pulis, Mahkamah, Orang di-bawa ka-Mahkamah dan orang di-penjara dengan ringkas-nya.

Pulis atau mata-mata adalah satu badan yang menjaga keamanan ketenteraman, menjaga bahawa undang2 negara di-patuhi, membawa orang2 di-tudoh membuat kesalahan (jenayah) ka-hadapan Mahkamah. Pulis itu ada-lah di-tubuhkan oleh Undang2. Jadi nyawa dan tugas pulis itu ada-lah semata2 bergantung atas undang2 dan bukannya berdasarkan hawa nafsu orang2 yang menjalankan-nya.

Mahkamah ada-lah satu badan keadilan berdasarkan undang2 dapat di-selenggarakan oleh Magistrate dan hakim2. Orang2 yang di-bawa ka-Mahkamah oleh Pulis kerana di-tangkap dan orang2 yang datang ka-Mahkamah kerana dia di-summons akan di-bicarakan oleh Mahkamah kerana tuduhan2 yang di-hadapi mereka. Mahkamah (Magistrate atau Hakim) akan menerima bakti2 keterangan2 atau tuduhan dari pihak pendawa siapa yang akan mengeluarkan saksi2-nya. Jika bakti2 keterangan itu tidak memadai atau tidak chukup untuk melibatkan orang yang di-tudoh itu membuat kesalahan yang menyebabkan dia di-tudoh, maka Mahkamah akan memerintahkan supaya dia di-bebaskan dari tuduhan itu dengan tidak payah lagi dia di-pinta untuk memberikan bakti2 keterangan atas mempertahankan diri-nya dari tuduhan itu dan dia terus akan bebas dan merdeka dari tuduhan itu. Mithal-nya Awang X di-tudoh di-bawah kerana memandu atau menjaga kereta sa-masa dia mabok.....Mengikut bakti2 keterangan dia di-dapati oleh sa-orang pulis tidur dalam sebuah kereta di-tengah2 jalan raya. Dalam kereta-nya itu ada di-dapati dua botol minuman keras (beer) satu botol itu sudah kosong, dan yang lain-nya tinggal sa-tengah botol sahaja lagi isi-nya. Mulutnya berbau minuman keras.

Dia terus di-perentahkan dan di-bawa oleh Pulis ka-rumah sakit untuk di-pereksa. Di-mahkamah Awang X mengaku salah atas tuduhan itu. Tetapi report atau pun keterangan dari Doktor yang memeriksa Awang X tidak ada mengatakan yang Awang X itu mabok dan oleh sebab itu dia di-bawah pengaruh minuman keras dia tidak dapat memandu atau menjaga kereta-nya itu, maka bakti2 keterangan dari pihak pendawa tidak-lah chukup, jadi Mahkamah memerintahkan supaya Awang X di-bebaskan dari tuduhan-nya dengan tidak payah lagi mempertahankan diri-nya dari tuduhan itu. Tetapi jika bakti2 dari keterangan pihak pendawa itu menchukupi, Mahkamah akan memerintahkan supaya Awang X atau orang yang di-tudoh untuk memberi bakti2 keterangan dari dia sendiri dan dari saksi2-nya jika ada, kerana mempertahankan diri-nya dari tuduhan itu. Selepas itu Mahkamah akan menjatuhkan hukuman salah atau tidak salah mengikut bakti2 keterangan itu. Jika tidak salah, dia akan di-bebaskan, tetapi jika dia salah dia akan di-hukum seperti denda (wang) atau penjara atau kedua2-nya sekali, denda dan penjara. Jika dia tidak dapat membayar denda dia akan di-penjara (di-jail). Mithal-nya jika dia di-denda \$100.- atau satu bulan jail jika dia tidak membayar denda, maka dia akan di-jail satu bulan, mulai dari hari dia tidak membayar denda itu.

Perlu juga saya nyatakan bahawa tiap2 orang yang di-tuduhkan itu tidak-lah dapat kita katakan orang yang bersalah di-segi undang2 jenayah melainkan Mahkamah mendapati dia bersalah. Maka dari itu tiap2 orang yang di-tudoh itu ada-lah di-anggap tidak bersalah melainkan pihak pendawa membuktikan dengan sebulat-nya bahawa orang yang di-tudoh itu adalah salah atas perbuatan yang di-tudoh itu dan baharu-lah Mahkamah akan menjatuhkan hukuman salah ka-atas orang itu.

Siapa-kah pula orang yang di-penjara atau di-jail itu? Orang2 yang di-jail itu adalah orang2 yang di-dapati salah dan di-jatuhkan hukuman penjara (jail) atau orang2 yang tidak membayar denda

yang di-hukumkan oleh Mahkamah. Ada juga orang yang di-tudoh di-tahan di-jail di-bawah jagaan pulis sementara menunggu penyelesaian pembicaraan-nya, tetapi dia bukan-lah orang yang di-penjara.

Kita hairan, bagaimana-kah pula Mahkamah itu berkuasa membicarakan orang2 yang di-tudoh, menjatuhkan hukuman salah atau tidak salah, membebaskan orang2 yang tidak bersalah dan mendenda atau menjail orang2 yang bersalah. Semua kuasa2 ini dan tugas2 Mahkamah yang lain yang tidak saya sebutkan (kerana tidak perlu) dan mahkamah sendiri ada-lah lahir di-sebabkan undang2, dan undang2 yang lain memberi kuasa kapada Mahkamah. Semua kuasa dan tugas2 mahkamah dan mahkamah sendiri tidak akan halal dan sah jika tidak ada undang2 ini.

Nampak-nya undang2-lah yang lebih berkuasa dan bermaharaja lela daripada orang2 yang berkuasa atau kita anggap berkuasa kerana kuasa2 mereka itu di-beri oleh undang2 juga. Mari-lah kita meninjau dengan ringkas-nya apakah undang2 itu. Bagi pendapat saya undang2 itu ialah yang menentukan apa-kah perbuatan yang menjadi kesalahan jika dibuat dan juga menentukan apakah perkara2 yang boleh di-buat mengikut undang2 dan menentukan hukuman2 (jenayah) atas satu2 perbuatan yang di-katakan salah itu, atau memerintahkan tuntutan hak2 sa-seorang dari orang lain (civil) dan undang2 itu juga memberi tugas2 dan kuasa2 kapada sa-seorang itu atau pun badan2 untuk membuat undang2 dan peraturan2. Sa-suatu undang2 itu mula2-nya berpuncha dari bill atau rang undang2 yang di-hadapkan ka-majlis mashuarat undangan (Legislative Council) oleh pihak kerajaan (jarang kita dapati sa-seorang ahli majlis mashuarat berjaya mengemukakan bill-nya untuk menjadi undang2). Sa-sudah bill itu melalui beberapa tapisan, maka dia akan disahkan dan di-luluskan oleh majlis mashuarat undangan dan seterusnya dia akan mendapat perkenan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan menurunkan chap mohor dan tanda tangan-nya. Maka jadi-lah bill itu sa-bagai satu undang2. Undang2 itu juga menerangkan bilakah dia mulai hidup atau berjalan kuat kuasanya. Maka dari hari dia berjalan kuat kuasanya itu, dia harus dipatuhi oleh segenap lapisan masharakat, kita (ia-itu di-negeri yang undang2 itu di-buat) di-kechualikan masharakat yang di-kechualikan oleh undang2 itu saja-lah yang tidak payah patoh kapada undang2 itu.

(Bersambung minggu depan)

28 ORANG MENERIMA SIJIL DAN LENCHANA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Datin Hajjah Salmah, isteri Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf telah menyampaikan sijil2 dan lenchana kepada 28 orang jururawat, bidan dan pembantu2 rumah sakit rendah dalam satu upacara yang telah berlangsung di-Asrama Jururawat di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Sembilan orang bidan telah menerima Sijil Perbidanan termasuk dua mendapat sijil kelas kedua, enam orang jururawat menerima Sijil Jururawat Kesihatan Rendah, empat orang menerima Sijil Pembantu Rumah Sakit Rendah dan sembilan orang menerima Sijil Jururawat Am dan Lenchana.

Semua mereka itu telah lulus dalam peperiksaan akhir sa-telah menjalani kursus selama tiga tahun.

Mereka yang menerima sijil2 dan lenchana2 itu ada-lah seperti berikut:

Sijil Perbidanan — Kelas Pertama: Dayang Annie Chin dan Dayang Pansy Chu.

Sijil Perbidanan — Kelas kedua: Dayang Bong Kui Hiong, Dayang Ramlah binte Isa, Dayang Rokiah binte Zainal, Dayang Yap Shai Hiong, Dayang Hong Guat Eng, Dayang Rajang dan Dayang Rimba.

Sijil Jururawat Kesihatan Rendah: Dayang Halimah binte Omar, Dayang Norsiah binte Ismail, Dayang Phong Soo Kim, Dayang Silu Ringgit, Dayang Leong Bee Chin dan Pengiran Anak Siti Mariam binte Pengiran Omar Ali.

Sijil Pembantu Rumah Sakit Rendah: Awang Adnan bin Besar, L/Cpl. Suhaili bin Abdullah, Pte. Handry bin Gampar dan L/Cpl Harris bin Suhaili.

Sijil Jururawat Am dan Lenchana: Awang George Wong Wei Sin, Dayang Lim Siew Ngo, Dayang Sung Wha Yin, Dayang Wong Mei Chin, Dayang Anna Chung, Dayang Tan Yin Hen, Dayang Chee Guek Kui, Dayang Chan Siew Kon dan Dayang Chong Nyat Dian.

Gambar kanan: Datin Hajjah Salmah sedang menyampaikan sijil Perbidanan kelas kedua kepada Dayang Rokiah binte Zainal. Sementara gambar bawah: Awang George Wong Wei Sin sedang menerima Sijil Jururawat Am.



Wakil2 qari dan qariah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang qari dan sa-orang qariah telah di-pilih untuk mewakili negeri ini ka-pertandingan membaca kitab suci Al-Quran peringkat antara bangsa di-Kuala Lumpur dalam pertengahan bulan ini.

Mereka ia-lah Awang Abu Bakar bin Haji Paun, Awang Mukim bin Haji Hassan dan Dayang Rasiah binte Jumahat.

Awang Abu Bakar dan Awang Mukim masing2 ada-lah johan dan naib-johan qari dalam pertandingan membaca Al-Quran peringkat seluruh negeri yang telah di-adakan baru2 ini sementara Dayang Rasiah ia-lah johan qariah.

Wakil2 Brunei itu akan berlepas ka-Malaysia Barat pada 14 Nohember.

Turut menemani qari2 dan qariah ka-Kuala Lumpur ia-lah Awang Abdul Saman bin Kahar sa-laku ketua rombongan, Awang Metussin bin Timbang sa-bagai wakil Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pengiran Hajjah Umi binte Pengiran Idrus.

Pertandingan membaca Al-Quran peringkat antara bangsa itu akan di-adakan di-Stadium Merdeka, Kuala Lumpur selama tiga malam berturut2 mulai 17 Nohember.

Sa-banyak 11 buah negara akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Pembinaan saloran ayer kotor

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kerja2 projek saloran ayer kotor yang di-anggarkan menelan belanja \$19 juta di-kawasan Bandar Seri Begawan yang bermula dalam bulan Februari tahun 1968 berjalan lancar, dan di-jadualkan siap awal tahun hadapan.

Sharikat2 Binnie dan Pakatan, jurutera penasehat kepada kerajaan yang merika projek tersebut, ada-lah juga mengawasi kerja2 pembinaan-nya.

Kerja2 pembinaan enam buah steshen pengepam hampir siap.

Kerja2 pembinaan steshen pemberseh di-Jalan Kota Batu juga berjalan lancar.

Kerja2 pemasangan paip2 saloran ayer kotor yang bermula dari sa-belah Utara dalam bulan Ogos tahun 1968, hampir2 siap. Sementara itu, kerja pemasangan paip2 dari steshen pemberseh di-Jalan

Kota Batu ka-tengah2 kawasan ibu kota juga hampir2 siap.

Seluruh kerja pemasangan paip2 itu di-jangka siap dalam masa 3 atau 4 bulan, yang akan datang.

Orang yang di-dapati tidak puasa akan di-denda

(Dari Muka 1)

Waktu bekerja bagi pejabat2 kerajaan di-sepanjang bulan puasa ini ada-lah tetap seperti biasa.

Sementara itu sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, jika ada orang Islam yang di-dapati tidak puasa akan di-tangkap tanpa sa-barang warant oleh pihak polis, penghulu atau pegawai Jabatan Ugama.

Jika sa-seorang Islam di-dapati tidak berpuasa, ia-nya akan di-denda sa-banyak \$50.00 bagi kesalahan per-

tama, \$75.00 bagi kesalahan kedua dan \$100.00 bagi kesalahan ketiga.

Tuan2 punya restoran dan kedai2 makan ada-lah di-minta memberikan kerjasama supaya tidak menjual makanan atau minuman kepada orang2 Islam di-waktu siang hari.

Jika di-dapati tuan2 punya restoran dan kedai makan menjual makanan kepada orang Islam di-waktu siang hari semasa bulan puasa ini, mereka juga akan di-denda kerana kesalahan2 itu.

Pindah ka-bangunan baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaki tangan Muzium telah pindah ka-bangunan baru di-Kota Batu, dekat Bandar Seri Begawan.

Penyelenggara Muzium, P.M. Sharifuddin berkata, semua barang2 yang di-pamerkan di-Dewan Kemasyarakatan telah juga di-pindah untuk di-pamerkan di-bangunan baru itu.

Pembinaan bangunan itu, telah di-mulakan dalam pertengahan tahun 1968, dan ia-nya menelan belanja \$4,390,000.000.

Bangunan tiga tingkat itu di-bina di-pinggir bukit menghala ka-Sungai Brunei.

Di-tingkat bawah sekali, ia-lah pejabat pentadbiran, khutub khana, setor, dan bilek simpanan barang2.

Tingkat kedua dan tiga ia-lah bilek2 pameran di-mana di-pamerkan barang2 purba, dan bersejarah, bahan2 kebudayaan dan karangan2 mengenai suku bangsa.

Tingkat kedua juga di-khaskan, untuk Sharikat Minyak Shell Brunei.